

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Panasonic meraikan pengeluaran kompresor ke-100 juta di Malaysia seiring dengan sejarah cemerlang selama 44 tahun**

**Shah Alam, 8 Oktober 2016** - Panasonic Appliances Air Conditioning Malaysia Sdn Bhd (PAPAMY), sebuah syarikat pengeluar penyaman udara dan kompresor baru-baru ini telah berjaya mencapai penanda aras unggul 100 juta unit dalam pengeluaran kompresor.

PAPAMY mengeluarkan lebih daripada 500 model kompresor untuk industri penyaman udara yang merangkumi kedua-dua kegunaan kediaman dan komersial. Kompresor Panasonic digunakan dalam pengeluaran semua Penyaman Udara Panasonic seperti Penyaman Udara Bilik SKY SERIES ELITE INVERTER yang telah dilancarkan baru-baru ini. Untuk kegunaan komersial pula, FSV EX adalah jenama unggul Penyaman Udara VRF Panasonic yang menawarkan prestasi hebat dalam penjimatan tenaga untuk kedua-dua kendalian beban penuh dan beban separa.

Syarikat telah mengundang Timbalan Presiden Eksekutif Panasonic Corporation Japan, Encik Kazunori Takami untuk turut sama meraikan pencapaian hebat ini, bersama lebih daripada 3200 kakitangan sebagai SATU KELUARGA BESAR PAPAMY.

Pengarah Urusan PAPAMY, Encik Hiroyuki Iwaki berkata "Panasonic berpegang teguh kepada falsafah pengasas kami agar membina dan membangunkan tenaga kerja sebelum menghasilkan produk." "Kakitangan kami adalah aset terpenting dan paling berharga kerana mereka memainkan peranan utama dalam memacu inovasi, membentuk budaya kerja berpasukan dan mencipta kecemerlangan dalam operasi perniagaan. Penerapan sikap dan nilai murni sebegini adalah seiring dengan wawasan negara pelbagai budaya seperti Malaysia," tambah Encik Iwaki.

Memulakan pengeluaran pertamanya pada tahun 1972, PAPAMY telah bertapak kukuh di Malaysia dalam usaha untuk menjadi pengeluar penyaman udara dan kompresor paling terkemuka, pilihan nombor 1 pelanggan. PAPAMY, dengan kemampuan tenaga kerja yang besar telah membawa perubahan dan menyumbang kepada komuniti dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

PAPAMY telah berkembang setapak demi setapak, semakin kukuh dengan ramalan pertumbuhan pengeluaran 117% (berdasarkan kuantiti) untuk tahun kewangan 2016. Pengeluaran dijangka akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang, memenuhi keperluan perkembangan agresif pasaran Asia. Kompresor Panasonic dikeluarkan khusus untuk penyaman udara, dengan pecahan agihan jualan sebanyak 70% untuk pengeluaran penyaman udara Panasonic di Malaysia dan 30% untuk destinasi lain (tempatan dan luar negara).

Visi Divisyen Kompresor Panasonic adalah untuk menjadi pembekal kompresor terunggul yang melengkap industri penyaman udara, menjadi penyedia penyelesaian sehenti yang menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian hujung-ke-hujung, sekaligus menjadi pilihan pertama pelanggan. Panasonic beriltizam untuk terus menghasilkan produk yang terbaik melalui peningkatan usaha penyelidikan & pembangunan (R&D) agar dapat memenuhi keperluan pasaran global.

PAPAMY akan terus mengorak langkah menuju ke masa hadapan dengan penuh bersemangat dan keyakinan untuk membawa Panasonic kepada pengeluaran kompresor ke-100 juta yang seterusnya. "PAPAMY akan terus menerajui pertumbuhan industri penyaman udara dengan penghasilan kompresor yang tahan lasak, berprestasi tinggi dan semestinya dengan kualiti yang sentiasa dipertingkatkan," kata Encik Iwaki.

PAPAMY ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan penghargaan ikhlas kepada semua kakitangan Panasonic, rakan niaga dan para pelanggan di atas sokongan dan kesetiaan kepada Jenama Panasonic.

Jutaan terima kasih kerana menjadikan Panasonic jenama terunggul pilihan keluarga anda, terutamanya untuk penyaman udara!

## Tentang Panasonic

Panasonic Corporation adalah peneraju global dalam kemajuan teknologi elektronik pelbagai dan memberi penyelesaian untuk pelanggan dalam barangan elektronik pengguna, rumah, automotif, penyelesaian perniagaan dan alatan perindustrian. Sejak penubuhannya pada 1918, syarikat ini telah berkembang secara global dan kini beroperasi dengan 474 anak syarikat dan 94 syarikat bersekutu di seluruh dunia, mencatatkan penjualan bersih bergabung sebanyak 7.553 trillion yen untuk tahun berakhir Mac 31, 2016. Komited untuk mendapatkan nilai baru melalui inovasi pada barisan produk yang terbahagi, syarikat ini menggunakan teknologinya untuk mencipta kehidupan dan dunia yang lebih baik kepada pelanggannya. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Panasonic: <http://www.panasonic.com/global>.

Untuk ahli media, muat turun penyiaran media dan acara bersama gambar di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Hubungan Media: Mazlee Mokhtar  
Pengurus, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Jabatan Inovasi Pemasaran  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7877 Faks: 03 7955 0722  
Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)